

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA PEMBUKAAN KILANG KELAPA SAWIT SG. TONG, TRENGGANU PADA 2HB MEI, 1973

Y.A.B. Datuk Haji Nik Hassan,¹ Dif-dif yang dihormati, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu sukalah saya menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada Kerajaan Negeri kerana sudi memasukkan acara lawatan ke Rancangan Sg. Tong ini dalam bidang lawatan saya pada kali ini dan di samping itu memberikan saya penghormatan merasmikan Kilang yang baru siap ini.

Seperti dimaklum, kilang ini merupakan satu projek yang terbesar di Negeri Trengganu dan dengan adanya kilang ini, barulah boleh dikatakan Rancangan Sg. Tong ini siap sempurna dalam ertikata yang sebenar. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih kepada negara sahabat iaitu Kerajaan Belanda yang telah memberikan bantuan nasihat teknik untuk menjayakan projek ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sedia maklum bahawa semenjak beberapa tahun ini kelapa sawit telah muncul sebagai economic crop yang penting di samping getah. Dengan yang demikian, luas tanah yang ditanam dengan kelapa sawit semakin meningkat dan satu kemajuan besar yang dicapai dalam tahun lalu (1972) iaitu luas tanah tanaman kelapa sawit yang dibiayai dan diselenggarakan oleh Kerajaan semakin bertambah.

Menurut statistik tahun lalu, luas tanaman kelapa sawit yang dikelolakan oleh FELDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ialah lebihkurang 442,355 ekar; FELDA saja mengelolakan 230,137 ekar (bertambah 69,507 ekar) sementara Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mengelolakan 212,218 ekar iaitu bertambah 25,963 ekar. Adalah dijadualkan dalam tahun ini penanaman kelapa sawit oleh FELDA/Perbadanan dan pihak swasta akan meningkat kepada 1,182,085 ekar iaitu bertambah 127,402 ekar dari tahun lalu.

¹ Y.B. Menteri Besar Trengganu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita menarik perhatian iaitu Negeri Trengganu juga turut memainkan peranan dalam kemajuan perusahaan kelapa sawit. Kerajaan Negeri, melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri, telah mengambil langkah utama oleh kerana penanaman oleh pihak swasta adalah kecil. Dengan yang demikian, bolehlah dikatakan Rancangan Sungai Tong ini mencatatkan sejarah baru bagi Negeri Trengganu dan kita maju setapak lagi dengan membina Kilang Kelapa Sawit yang terbesar sekali.

Menurut rancangan yang disediakan, penanaman kelapa sawit akan bertambah dengan pesatnya, terutama di kawasan Trengganu Tengah yang terkenal dengan tanah jenis volcanic Jerangau series. Pada akhir Rancangan Malaysia Kedua, dijadualkan lebih kurang 31,900 ekar kelapa sawit akan ditanam oleh Perbadanan dan seluas lebih 22,000 ekar oleh FELDA dengan pengeluaran minyak kira-kira 75,000 tan.

Saudara-saudara sekalian,

Bagaimanapun, kita tidaklah seharusnya meletakkan seluruh harapan kepada satu cabangan perusahaan saja kerana patutlah difikirkan bahawa bahan-bahan mentah seperti getah dan minyak kelapa sawit bergantung pada pasaran dunia. Tambahan pula Negeri Trengganu ini boleh dikatakan masih banyak kekayaan alam yang boleh diusahakan untuk perindustrian seperti kayu, buah-buahan dan juga kekayaan laut.

Saya sukacita beberapa rancangan yang bersangkutan dengan perusahaan buah-buahan dan perikanan sudah mula dilaksanakan seperti penanaman jambu gajus dan nangka dengan kerjasama FIMA, sementara Perbadanan dan MAJUIKAN telahpun memulakan pembangunan Pulau Redang sebagai Pusat Perikanan dengan menggunakan bot-bot moden.

Kerajaan Pusat sentiasa memberikan perhatian berat kepada Trengganu kerana kedudukannya di antara dua kawasan pembangunan yang besar iaitu Kelantan dengan adanya Lebuh raya Timur-Barat dan Pahang dengan pelabuhan baru di Kuantan. Dengan Tujuan inilah Kerajaan akan membina Kawasan Trengganu Tengah sebagai pusat perindustrian moden serta membina

jalan-jalan baru yang menghubungkan Trengganu dengan Pelabuhan baru di Kuantan. Dengan itu kemajuan dan kemakmuran dapat sama-sama dinikmati oleh rakyat Trengganu.

Kajian-kajian telahpun dijalankan mengenai Rancangan-rancangan Trengganu Tengah yang antara lain mencadangkan Integrated Timber Complex dengan kerjasama pihak Rumania. Rancangan Penternakan Lembu, Pertanian untuk tanaman koko dan Perlombongan. Tidak syak lagi, rancangan-rancangan ini manakala berjalan kelak akan mengubah keadaan yang ada sekarang dan membawa kegiatan-kegiatan ekonomi yang dinamis kepada rakyat.

Di samping itu, kawasan-kawasan lain, iaitu Ulu Trengganu akan juga dimajukan. Rancangan Lembaga Kemajuan Haiwan telahpun mula bergerak sekarang dalam kawasan seluas 5,000 ekar di situ.

Begitu juga Sungai Trengganu sedang dikaji untuk membangun sebuah empangan bagi kuasa letrik, rancangan perairan yang akan membolehkan penanaman kacang tanah, halia dan jagong di samping membekalkan air minum dan juga untuk mengawal bencana banjir yang melanda negeri ini setiap tahun.

Saudara-saudara sekalian,

Saya yakin dan penuh harapan Negeri Trengganu mempunyai hari depan yang cerah asal saja kita bersedia dan sanggup menyambut cabaran-cabaran masa depan. Kita hendaklah berpegang teguh pada dasar kemajuan ekonomi yang menjamin kebahagiaan kepada rakyat serta menjalankan dasar itu dengan penuh kejujuran dan dedikasi.

Saya mengambil peluang ini menyatakan kepercayaan dan sokongan kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Nik Hassan ini dan memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan terus membantu Negeri Trengganu dalam usaha-usaha pembangunan supaya bersama-sama maju ke hadapan mencapai cita-cita negara Malaysia yang makmur, maju dan bahagia.

Saya akhiri dengan doa dan harapan semoga segala usaha kita diberkati Allah dan kita diberiNya perlindungan pada setiap masa.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan itu saya sukacita merasmikan Kilang Kelapa Sawit Rancangan Sungai Tong ini.

JALAN SULTAMAN, KUALA LUMPUR ON 9TH
MAY, 1973

Encik Saw Choo Teng, Dik-hi yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat gembira dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama di sini petang ini serta mendapat penghormatan merasmikan Bangunan UMBC yang baru ini.

Bangunan ini amat besar artinya kepada Bandaraya dan Negara ini kerana selain dari menjadi landmark untuk Kuala Lumpur, di sini juga terdapat kegiatan-kegiatan ekonomi negara yang penting iaitu Ibu Pejabat UMBC sendiri dan Ibu Pejabat Syarikat Perancangan Nasional kita MAS.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Pengarah, badan pengurusan dan juga seluruh kakitangan UMBC bersempena dengan hari yang bersejarah ini, terutamanya sekali mengingat akan sambutan dan potensinya dalam usaha mencapai kemajuan yang lebih bagi rakyat dan negara.

Ladies and Gentlemen,

As stated by Mr Saw just now, three years ago, the UMBC celebrated its 10th anniversary and I happily recalled the memorable occasion. Now, three years later, UMBC has made another major stride in its forward progress, contributing in no small measure to the nation's prosperity and stability.

We all agree that banks play an important role in nation building. As our national economy expands, banks will be called upon to engage in a constantly broadening range of activities for individuals, the business circle as well as the Government. We need dedicated and dynamic institutions to face the challenges in the years ahead, and I am confident local banks like UMBC have a clearer understanding of the country's needs and aspirations. We are also proud of the fact that our economic performance has

Pergerakan United Malay Banking Corporation Berhad.